



**MEDIA ONLINE /  
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

**5 OKTOBER 2017**

**Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat**

## ISU : PENIPUAN FESTIVAL KERJAYA ZON UTARA

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	5 OKTOBER 2017 (KHAMIS)	<b>SINAR HARIAN</b> Gesa penganjur dikenakan tindakan	<b>GPMS</b> <b>KSM</b>

### AKHBAR : SINAR HARIAN

#### Gesa penganjur dikenakan tindakan

**BUTTERWORTH** - Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) membidas pihak yang mengambil kesempatan terhadap graduan mencari pekerjaan, sekali gus memohon kerajaan mengenakan tindakan kepada penganjur Ekspo Kerjaya Terbesar Zon Utara 2017 yang diadakan selama dua hari di sebuah hotel, kelmarin.

Ahli Majlis Tertinggi GPMS, Zaid Nabil Zakuan berkata, pihak mereka menerima banyak aduan daripada pengunjung ekspo berkenaan, yang kebanyakannya tidak berpuas hati dengan tindakan penganjur mengenakan bayaran untuk mendapatkan borang permohonan pekerjaan. "Setiap borang dijual pada harga RM10. Difahamkan, pengunjung juga dinasihatkan untuk membeli sekurangnya lima set borang untuk mencerahkan peluang mereka mendapatkan pekerjaan.

"Sepanjang mengunjungi ekspo kerjaya sebelum ini, belum pernah pihak penganjur meminta bayaran untuk mendapatkan borang permohonan pekerjaan," katanya. Zaid berkata, GPMS turut menerima aduan berkaitan ruang pameran yang tidak dipenuhi dengan syarikat berkaitan, sebaliknya lebih kepada jualan produk kecantikan dan makanan.

"Memandangkan karnival ini menyasarkan graduan dari zon utara, ramai yang hadir termasuk dari Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Tapi ramai yang hampa dan lebih dikesalkan apabila laman Facebook penganjur juga sudah tiada selepas kejadian ini. "Oleh itu GPMS menggesa kerajaan mengenakan tindakan terhadap penganjur kerana mengambil kesempatan ke atas graduan yang dahagakan peluang pekerjaan. Kita juga meminta pihak berkaitan termasuk Kementerian Sumber Manusia memantau perkara ini bagi memastikan kejadian sama tidak berulang," katanya.

Susulan itu katanya, penganjur perlu bertanggungjawab ke atas kejadian yang berlaku. "Bukan semua graduan datang dari keluarga senang. Bayangkan, mereka datang dari jauh, tetapi diperas untuk membeli borang permohonan. "Graduan menanggung banyak kerugian dari segi kewangan, masa dan tenaga, tetapi dipergunakan untuk mengaut keuntungan. Cukup-cukuplah menganiaya graduan," katanya.

**ISU: KEBAJIKAN BEKAS PEKERJA MAS**

<b>BIL.</b>	<b>TARIKH</b>	<b>AKHBAR &amp; TAJUK BERITA</b>	<b>PIHAK TERLIBAT</b>
1.	5 OKTOBER 2017 (KHAMIS)	<b>MALAYSIAN KINI</b> MTUC wants minister's power on referral to Industrial Court removed	<b>MENTERI KSM</b>  <b>MTUC</b>

**AKHBAR: MALAYSIAN KINI**

**MTUC wants minister's power on referral to Industrial Court removed**



The Malaysian Trades Union Congress (MTUC) wants the human resources minister's discretion to refer cases to the Industrial Court to be removed. This was after Human Resources Minister Richard Riot Jaem decided not to refer some 3,600 cases by former Malaysia Airlines (MAS) employees who were retrenched, to the Industrial Court and also refused to provide justification.

"This is an evidence as to why MTUC has been advocating that all cases referred by claimants, if unable to reach a settlement at the Industrial Relations Department, should be referred to the Industrial Court directly, instead of referring again to the human resources minister for his discretion on its merit," said MTUC secretary-general J Solomon. Solomon said it was in the spirit of the Industrial Relations Act 1967 that cases referred to the minister should be decided on, expeditiously.